

Kejayaan bawa pulang aktivis GSF serlah diplomasi pintar Malaysia



Pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

Oleh Prof Datuk Dr P Sivamurugan
bhrencana@bh.com.my

Isu Palestin terus menjadi perhatian global, khususnya berkaitan kedaulatan, keselamatan dan kebajikan rakyatnya. Dalam konteks ini, Global Sumud Flotilla (GSF), sebuah misi kemanusiaan antarabangsa, muncul sebagai simbol solidariti terhadap rakyat Palestin yang menghadapi kesukaran di Gaza.

Flotilla ini membawa bantuan makanan, ubat-ubatan dan keperluan asas untuk diserahkan kepada penduduk Gaza bagi mengurangkan penderitaan warganya akibat sekatan Israel dan konflik berterusan.

Malaysia, melalui tindakan diplomasi dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan warganya yang turut terbabit dalam misi ini. Terdapat 23 rakyat Malaysia menyertai misi itu ditahan Israel.

Komunikasi Anwar bersama beberapa pemimpin utama dunia berjaya membawa wira kemanusiaan tanah air ini dari Israel serta diterbangkan ke Malaysia melalui Istanbul. Tindakan ini menunjukkan keprihatinan Malaysia terhadap rakyatnya di peringkat antarabangsa serta komitmen negara terhadap isu kemanusiaan.

Peranan Anwar dalam misi ini bukan sekadar tindakan diplomasi formal, tetapi cerminan kepemimpinan mengutamakan keselamatan rakyat dan nilai kemanusiaan sejagat.

Langkah diplomasi diambil Anwar memperlihatkan Malaysia bukan sahaja menekankan hak asasi manusia secara retorik, tetapi bersedia mengambil tindakan praktikal untuk melindungi rakyatnya.

Selain aspek keselamatan, misi GSF juga memberi impak simbolik besar. Kehadiran rakyat Ma-

aysia dalam delegasi itu menzahirkan solidariti rakyat terhadap isu Palestin.

Tindakan ini selaras dengan aspirasi Malaysia memainkan peranan aktif dalam forum antarabangsa bukan sahaja melalui diplomasi politik, tetapi melalui bantuan kemanusiaan.

Tonjol imej positif

Tindakan Malaysia dalam konteks ini memberi pengajaran penting kepada masyarakat mengenai kepentingan peranan negara dalam isu antarabangsa. Negara proaktif dalam diplomasi kemanusiaan mampu menonjolkan imej positif, membina hubungan antarabangsa kukuh dan meningkatkan kredibiliti di arena global.

Di samping itu, ia menunjukkan kepemimpinan beretika dan bertanggungjawab mampu mengimbangi kepentingan domestik dan antarabangsa secara seimbang. Misi GSF menjadi contoh kepada generasi muda dan masyarakat umum terhadap nilai empati serta solidariti. Dalam dunia sering dicemari konflik dan perpecahan, tindakan Malaysia memperlihatkan negara kecil boleh memainkan pe-

ranan besar melalui diplomasi berkesan dan tindakan kemanusiaan.

Solidariti ini bukan sahaja memberi bantuan material kepada rakyat Palestin, tetapi membina kesedaran masyarakat mengenai pentingnya nilai kemanusiaan, keprihatinan global dan tanggungjawab moral terhadap mereka yang memerlukan.

Dalam konteks politik domestik, tindakan Perdana Menteri juga memperlihatkan kepemimpinan mengutamakan rakyat sebagai asas utama pentadbiran. Ini selaras pendekatan beliau menekankan integriti, tanggungjawab dan keberanian membuat keputusan kritikal.

Tindakan membawa pulang rakyat Malaysia yang terbabit dalam misi GSF menekankan bahawa setiap nyawa warganya adalah keutamaan dan keputusan dibuat bukan berdasarkan kepentingan politik, tetapi berdasarkan prinsip kemanusiaan.

GSF bukan sahaja misi kemanusiaan, tetapi simbol kepemimpinan Malaysia di peringkat global. Peranan Perdana Menteri dalam memastikan keselamatan rakyatnya serta komitmen Malaysia terhadap rakyat Palestin, memperlihatkan gabungan antara diplomasi, kepemimpinan dan solidariti kemanusiaan.

Tindakan ini bukan sahaja menyelamatkan nyawa, tetapi membina imej positif Malaysia di arena antarabangsa, sambil menekankan nilai kemanusiaan sejagat. Dalam dunia penuh konflik dan cabaran global, pembabitan Malaysia dalam misi GSF mengingatkan kita bahawa kepemimpinan bertanggungjawab adalah yang mengutamakan rakyat, nilai kemanusiaan dan solidariti sejagat.

Bagi rakyat Malaysia, tindakan ini adalah sumber inspirasi bagaimana negara boleh menjadi kuasa moral dalam isu antarabangsa, sekali gus memperkukuh imej dan peranan Malaysia sebagai negara berprinsip dan prihatin terhadap nasib manusia di seluruh dunia.

Pembabitan Malaysia dalam misi GSF mengingatkan kita bahawa kepemimpinan bertanggungjawab adalah yang mengutamakan rakyat, nilai kemanusiaan dan solidariti sejagat